



SIARAN AKHBAR
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Berikutan dengan Kenyataan Media Kementerian Kesihatan bertarikh 27 Zulhijjah 1442 / 07hb Ogos 2021 berhubung dengan Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa waktu perkhidmatan **Kaunter Pembayaran Bahagian Kewangan**, dan **Perkhidmatan Kaunter Bahagian Pengurusan Letak Kereta Kuala Belait**, di Bangunan Dewan Bandaran Kuala Belait serta **Perkhidmatan Kaunter Bahagian Pengurusan Letak Kereta Seria**, Jalan Kemantin akan dibuka mulai jam 8.15 pagi hingga 11.15 pagi (Isnin hingga Khamis) dan tidak beroperasi pada hari Sabtu. Manakala semua perkhidmatan kaunter ditiadakan pada sebelah petang.

Sehubungan dengan itu, adalah juga dimaklumkan bahawa kaunter-kaunter perjumpaan di bahagian-bahagian lain iaitu di **Bahagian Korporat**, **Bahagian Perekonomian**, **Bahagian Penaksiran dan Percukaian Bangunan** akan **ditutup** buat sementara waktu sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Dalam pada itu, pihak jabatan ini juga akan menghadkan jumlah keramaian pada satu masa dan memastikan setiap yang berurusan hendaklah mengikut **Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan termasuklah pemeriksaan suhu badan, kewajipan untuk mengimbas **QR Code** Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria menggunakan aplikasi **Bruhealth** setiap kali masuk dan keluar daripada bangunan-bangunan di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, **penggunaan sungkup muka (face mask)** serta **penjarakan sosial** bermula pada hari **Isnin, 29 Zulhijjah 1442** bersamaan dengan **09 Ogos 2021** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah berhubung dengan bahagian-bahagian berkenaan di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria melalui talian:

BIL	BAHAGIAN	NOMBOR PERHUBUNGAN
1	Bahagian Korporat	3330781 – 85 samb. 414
2	Bahagian Kewangan	3330781 – 85 samb. 102
3	Bahagian Perekonomian	
	- Hotline	8872233
	- Kaunter Perkhidmatan	3330781 – 85 samb. 111 / 313
4	Bahagian Penaksiran dan Percukaian Bangunan	3330781 – 85 samb. 206
5	Pengurusan Letak Kereta Cawangan Kuala Belait	3335384 / 3330463
6	Pengurusan Letak Kereta Cawangan Seria	3228243 / 3221324

-TAMAT-

Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria
Kementerian Hal Ehwat Dalam Negeri

2 Muharram 1443H bersamaan 11 Ogos 2021M